

**ANALYSIS OF THE APPLICATION OF TAZKIYAH AL-SYUHUD IN SHARIA
CRIMINAL OFFENSES IN MALAYSIA**

**ANALISIS PEMAKAIAN TAZKIYAH AL-SYUHUD DALAM KESALAHAN JENAYAH
SYARIAH DI MALAYSIA**

Iznina Hanim Hashimiⁱ, Shazril Khairy Mustafaⁱⁱ, Muhammad Aiman Muhamad Luthffi Ameerⁱⁱⁱ,
Ahmad Azam Mohd Shariff^{iv}, Mohamad Azhan Yahya^v & Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif^{vi}

ⁱ Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara. icznina@agc.gov.my

ⁱⁱ Peguambela & Peguamcara, Peguam Syarie, Tetuan Shazril Khairy Mustafa & Associates. shazrilkhairy@gmail.com

ⁱⁱⁱ Peguam Syarie, Tetuan Shazril Khairy Mustafa & Associates. aimanluthffi@yahoo.com

^{iv} Profesor Madya, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. aazam@ukm.edu.my

^v (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. azhan@ukm.edu.my

^{vi} Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. izzatamsyar@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>The principle of Tazkiyah al-Syuhud is a Sharia principle that needs to be fulfilled to ascertain the fairness of a witness before their testimony is accepted as evidence. There have been cases where judgements have been made regarding the fairness of witnesses, but it is unclear to what extent this principle has been applied in those cases. Interviews conducted found that the principle of Tazkiyah al-Syuhud differs from the provisions for examining witnesses stipulated in the Sharia Court Evidence Enactment, and there is no clear interpretation of what constitutes fairness. Therefore, this study, using qualitative research methods, aims to examine the extent to which the principle of Tazkiyah al-Syuhud is applied in Sharia criminal offences in Malaysia and whether its application adheres to the principles established by Sharia law. It was found that the principle of Tazkiyah al-Syuhud is not widely applied in Sharia courts because it is not codified in Sharia evidence law in Malaysia. The specific provisions regarding fair examination of witnesses in the Sharia Court Evidence Enactment also differ from Tazkiyah al-Syuhud as established by Sharia law. Suggestions for amending laws and improving the administration of Sharia judicial officers are provided to enhance the application of the principle of Tazkiyah al-Syuhud in Sharia courts.</i></p> <p><i>Keywords: Tazkiyah al-Syuhud, Testimony, Evidence, Fairness, Examination Of Witnesses.</i></p>
Abstrak	<p><i>Prinsip Tazkiyah al-syuhud adalah satu prinsip syariah yang perlu dipenuhi untuk mengenalpasti keadilan seseorang saksi sebelum syahadah saksi tersebut diterima sebagai keterangan. Terdapat kes yang diputuskan telah membuat penentuan berkenaan keadilan saksi, namun tidak jelas sejauh mana prinsip tersebut telah digunapakai dalam kes tersebut. Temu bual yang dijalankan mendapati prinsip Tazkiyah al-syuhud berbeza dengan peruntukan pemeriksaan saksi yang diperuntukkan dalam Enakmen</i></p>

	<p><i>Keterangan Mahkamah Syariah dan tiada definisi adil ditafsirkan. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif akan melihat sejauh mana prinsip Tazkiyah al-syuhud ini digunapakai dalam kesalahan jenayah syariah di Malaysia dan samada pemakaian tersebut adalah mengikut prinsip Tazkiyah al-syuhud yang ditetapkan oleh hukum syarak. Didapati prinsip tazkiyah al-syuhud kurang diaplikasikan di Mahkamah Syariah kerana tidak dikodifikasikan dalam undang-undang keterangan syariah di Malaysia. Peruntukan khas berkenaan pemeriksaan adil terhadap saksi dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah juga adalah berbeza dengan Tazkiyah al-syuhud yang ditetapkan oleh hukum syarak. Cadangan pindaan undang-undang dan penambahbaikan tadbirurus pegawai kehakiman syariah diberikan untuk meningkatkan aplikasi penggunaan prinsip Tazkiyah al-syuhud di Mahkamah Syariah.</i></p> <p><i>Kata kunci: Tazkiyah Al-Syuhud, Syahadah, Keterangan, Adil, Pemeriksaan Saksi.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Prinsip Syariah telah menggariskan bahawa setiap dakwaan hendaklah dibuktikan dengan keterangan atau *bayinnah*. *Bayinnah* terdiri dari pelbagai bentuk keterangan dan salah satunya adalah penyaksian atau *syahadah*. *Syahadah* ditakrifkan oleh *fuqaha* sebagai satu pemberitahuan yang bersifat benar tentang haka tau kepentingan orang lain yang disampaikan dihadapan hakim dengan menggunakan lafaz tertentu yang membawa maksud *asyhadu*. Mahmud Saedon (2003) telah merumuskan definisi *syahadah* sebagai pemberitahuan yang bersifat benar diberi atas keyakinan dan pasti, tidak berbentuk sangkaan dengan menggunakan lafaz kesaksian dalam majlis kehakiman untuk kepentingan orang lain ke atas orang lain dan bukan bagi pihak yang menyampaikan kesaksian bertujuan samada untuk mensabitkan sesuatu hak Allah atau selainNya.

Saksi adalah individu penting yang akan menyampaikan *syahadah* dalam membuktikan atau menyangkal sesuatu dakwaan yang dibawa ke mahkamah, tidak kira mahkamah syariah atau mahkamah sivil. Saksi berperanan memberikan keterangan berbentuk fakta yang akan menjadi fakta relavan bagi menjawab fakta isu di mahkamah. *Syahadah* atau kesaksian adalah kaedah yang pembuktian yang sememangnya diterima oleh *fuqaha* dan diaplikasikan dalam undang-undang syariah dinegara ini. Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (AKMSWP) dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (EKMS) mengkodifikasikan *syahadah* sebagai satu bentuk keterangan di mahkamah syariah. Manakala saksi didefinisikan sebagai tidak termasuk plaintif, defendan dan orang kena tuduh dalam statut yang sama.

Di dalam Islam, untuk membolehkan syahadah seseorang saksi di terima mahkamah syariah, saksi tersebut mestilah memenuhi syarat tertentu untuk menjadi saksi dan melalui proses pemeriksaan saksi atau *Tazkiyah al-syuhud*. *Tazkiyah al-syuhud* adalah proses pemeriksaan saksi yang telah melengkapinya syarat menjadi saksi bagi menentukan keadilan dan kompetensi seseorang tersebut. Hanya setelah melalui proses *Tazkiyah al-syuhud* dan ditentukan keadilan saksi tersebut barulah saksi itu akan memberikan keterangan dan keterangan akan diperiksa balas bagi menentukan kredibiliti atau kebolehpercayaannya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah bagi mendapatkan data untuk menganalisis pemakaian prinsip *Tazkiyah al-syuhud* di dalam kesalahan jenayah syariah. Kaedah yang digunakan oleh adalah kaedah kualitatif iaitu dengan membuat rujukan kepada kepada statut undang-undang syariah dan sivil, kes-kes yang telah diputuskan di mahkamah syariah dan sivil (Azhan et al., 2021). Selain itu kajian ini turut merujuk kepada buku-buku dan artikel terdahulu yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih. Kajian ini juga telah menjalankan temu bual terhadap responden yang telah lama berpengalaman dalam bidang syariah bagi mendapatkan maklumat berkenaan pemahaman dan pengaplikasian prinsip *tazkiyah al-syuhud* serta untuk menyokong hasil dapatan kajian (Hammad et.al, 2021). Data-data rujukan dokumen dan temu bual diperoleh dalam kajian ini dianalisa melalui kaedah analisa kandungan bagi mengkaji isu-isu yang dibincangkan dalam kajian ini.

PERMASALAHAN ISU TAZKIYAH AL-SYUHUD

Tazkiyah al-syuhud adalah satu proses yang ditetapkan oleh syarak yang perlu dipenuhi untuk mengenalpasti keadilan seseorang saksi sebelum keterangan saksi tersebut diterima di mahkamah syariah. Ketiadaan istilah *tazkiyah al-syuhud* dikodifikasikan dalam undang-undang syariah di Malaysia menyebabkan timbul persoalan samada prinsip berkenaan diaplikasikan dalam menentukan keadilan saksi. Walaupun terdapat kes syariah yang telah membuat penentuan berkenaan keadilan saksi, namun ia tidak jelas sejauh mana prinsip tersebut telah digunapakai dalam kes tersebut. Temu bual yang dijalankan terhadap pengamal undang-undang juga menyatakan bahawa peruntukan pemeriksaan saksi yang terdapat di dalam Enakmen Syariah negeri-negeri telah diambil dari Akta Keterangan 1960 dan ia adalah berbeza dengan konsep *Tazkiyah al-syuhud*. Oleh itu, Kajian ini akan melihat sejauh mana prinsip *Tazkiyah al-syuhud* diaplikasikan dalam kesalahan jenayah syariah di Malaysia dan samada pemakaian tersebut adalah mengikut prinsip *Tazkiyah al-syuhud* yang ditetapkan oleh hukum syarak.

PRINSIP-PRINSIP ISLAM BERKAITAN TAZKIYAH AL-SYUHUD

Prinsip Adil Dalam Islam

Islam mementingkan keadilan dalam pensyariatannya. Istilah '*adl* atau *qist* (keadilan) merupakan objektif utama bagi syariah yang kerap keli disebut dalam Al-Quran. '*Adl* boleh difahami sebagai tindakan meletakkan sesuatu pada tempat yang sewajarnya atau sesuai dengan matlamat asas untuk mencapai keseimbangan antara hak dan tanggungjawab, dengan tujuan mengelakkan kemudaratan atau kezaliman (Hammad, Affendy, Rizal, Khalidah & Azhan, 2021). Prinsip umum berkenaan '*adl* terkandung dalam firman Allah SWT dalam surah al-Maidah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوِّمِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۚ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَآلَا تَعْدِلُوا ۚ ءَاعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, dan jangan sekali-kali kebencian kamu terjadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir dengan taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan" (al-Quran. al-Maidah: 8).

Di dalam aspek keterangan atau *bayinnah*, prinsip keadilan menetapkan nilai dan kualiti yang tinggi kepada saksi dan keterangan untuk membolehkan keterangannya diterima menurut sistem kehakiman Islam (Azizah & Ruzman, 2018). Sebagai contoh, Islam telah menetapkan bilangan saksi dalam kebanyakan kes yang memerlukan dua orang saksi yang adil. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna prinsip keadilan yang terkandung dalam pembuktian atau kehakiman bersifat sangat ketat. Prinsip adil boleh bersifat toleransi kerana prinsip tersebut boleh berubah mengikut suasana, perubahan dan keperluan semasa.

Dakwaan Hendaklah Dibuktikan Melalui *Bayinnah*

Kesalahan jenayah syariah samada hudud, *qisas* atau *taazir* telah ditetapkan oleh agama Islam untuk dibuktikan oleh pihak yang mendakwa. Setiap dakwaan yang dikemukakan hendaklah disokong oleh keterangan yang berbentuk *bayyinah* untuk membuktikan dakwaan tersebut adalah tepat dan berasas (Sarah & Azhan, 2023). Perkataan *al-bayyinah* ini adalah umum dan ianya merangkumi semua bentuk kaedah yang digunakan untuk membuktikan kebenaran sesuatu perkara termasuklah *al-shahadah*, *al-iqrar*, *al-yamin* dan *al-qarinah*. Firman Allah dalam ayat 25 Surah al-Hadid:

﴿ لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ ﴾

Maksudnya, “Demi sesungguhnya kami telah utuskan rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan (*al-bayyinat*) yang nyata” (al-Quran. al-Hadid: 25).

Dalam kupasan di dalam Irsyad Usul al-Fiqh siri ke 46 berkaitan kaedah bukti ke atas mereka yang mendakwa, sumpah ke atas mereka yang mengingkari telah mengemukakan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas R. Anhuma beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

{ لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ وَلَكِنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ }

Maksudnya, “Sekiranya diberikan kepada manusia itu semata dengan mengikut dakwaan-dakwaan mereka, nescayalah orang ramai akan mendakwa darah dan harta orang lain (sebagai milik mereka). Akan tetapi sumpah itu adalah ke atas mereka yang dituduh” (Hadith. Muslim. 1711).

Manakala dalam sebuah riwayat yang lain daripada Ibn Abbas beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

{ الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَّعَى، وَالْيَمِينَ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ }

Maksudnya, “*Al-bayyinah* ke atas pihak yang menuntut sementara sumpah ke atas pihak yang ingkar” (Hadith. al-Baihaqi. 10/252).

Seterusnya kupasan dalam al Irsyad ini turut menyebut mengenai penjelasan Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa hadis ini merupakan satu prinsip asas di antara prinsip-prinsip hukum syarak. Ia menjelaskan bahawa kenyataan seseorang mengenai sesuatu dakwaan tidak diterima hanya semata-mata berdasarkan kenyataan tersebut. Malahan, dakwaan itu memerlukan bukti atau pengakuan kebenaran dari pihak yang didakwa. Menurut kupasan dalam al Irsyad itu juga, sekiranya dituntut sumpah orang yang didakwa maka boleh untuk dia berbuat demikian (bersumpah). Manakala Ibn Qayyim menjelaskan konsep *al-bayyinah* dengan maksudnya: “*Al-bayyinah* adalah nama bagi segala sesuatu yang boleh menjelaskan dan menunjukkan kebenaran” (Azam et.al, 2022).

Syahadah Sebagai Satu Bentuk Bayannah

Al-Bayyinah atau keterangan adalah bersifat umum dan ia merangkumi semua bentuk kaedah yang digunakan untuk membuktikan kebenaran sesuatu perkara termasuklah *al-syahadah*, *al-iqrar*, *al-yamin* dan *al-qarinah* (Azhan et al., 2023). Firman Allah SWT dalam ayat al-Nisa' jelas telah menerima syahadah sebagai satu kaedah pembuktian yang bermaksud:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ ءَوِ الْوَالِدِينَ ءَوِ الْآقْرَبِينَ ءَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا ءَوْ فَقِيرًا فَاللّٰهُ ءَأُولَىٰ بِهَمَّا ءَ فَلَا تَتَّبِعُوا ءَهْوَىٰ ءَن تَعْدِلُوا ءَ وَإِن تَلَوْرَ ءَوْ تُعْرَضُوا ءَ فَإِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang - orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar - balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (al-Quran. al-Nisa': 135).

Di dalam surah al-Baqarah:

﴿وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ ءَ وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ ءَ ءِثْمٌ قَلْبُهُ ءَ ءَ وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya, "Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu (Wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu kerjakan." (al-Quran. al-Baqarah: 283).

Berdasarkan ayat-ayat di atas, Allah SWT telah menetapkan agar kita sentiasa bersikap adil, terutamanya dalam memberikan kesaksian. Allah SWT juga telah memerintahkan agar tidak menyembunyikan kesaksian atau menolak menjadi saksi. Syahadah disyariatkan dengan tujuan untuk menjaga hak-hak sesama manusia, yang merupakan satu kewajipan. Ini berbeza dengan hak-hak Allah yang melibatkan hukuman-hukuman hudud. Oleh itu, menyembunyikan kesaksian adalah lebih baik dalam konteks ini

TAZKIYAH AL-SYUHUD SEBAGAI SYARAT PENERIMAAN SYAHADAH

Untuk mencapai keadilan dalam membuktikan atau menyangkal sesuatu tuduhan, Islam menetapkan standard atau tahap pembuktian yang tinggi, sehingga mencapai tahap keyakinan (*yaqin*) sebelum menuduh seseorang dengan sesuatu pertuduhan (Shadli, 2023). Untuk mencapai darjah pembuktian yang tinggi tersebut beberapa keperluan lain hendaklah seperti beban dan kaedah pembuktian hendaklah dipenuhi oleh pihak pendakwa (Adibah et al., 2023). *Syahadah* adalah satu kaedah yang diterima dalam pembuktian kesalahan syariah selain dari *al-iqrar*, *al-yamin* dan *al-qarinah*.

Untuk mencapai keadilan dalam pembuktian, syarat atau rukun yang telah ditetapkan tidak boleh diabaikan agar *syahadah* dapat diterima sebagai keterangan. Syarat atau rukun *syahadah* harus dipenuhi dan ditangani dengan hati-hati karena

proses pembuktian ini dapat mencapai tingkat keyakinan (*yaqin*) dan dapat mensabitkan tertuduh yang didakwa. Oleh karena itu, syarat yang ditetapkan untuk menerima *syahadah* agak ketat demi memastikan keadilan. Syarat-syarat *syahadah* yang ditetapkan menurut syariah adalah beragama Islam, baligh, dan adil. Dalam kesalahan hudud, jumlah saksi juga menjadi syarat yang harus dipatuhi.

Imam Abu Hanifah menganggap bahawa sifat adil yang memadai dapat dilihat secara Zahir sebagai orang Islam saja, sesuai dengan konteks masyarakat yang hidup pada zamannya yang dianggap sebagai masyarakat yang baik (Toha, 2022). Walau bagaimanapun, proses *tazkiyah al-syuhud* tetap perlu dilaksanakan jika status saksi diragui, walaupun orang tersebut hidup dalam masyarakat yang dianggap baik. Ulama dari mazhab Hanafi, Ibnu Humam berpendapat bahawa seseorang yang dianggap fasik tetap dianggap adil jika dia dikenali oleh masyarakat sebagai individu yang jujur dan memelihara maruah kesaksiannya (Toha, 2022). Perbuatan-perbuatan seperti membuang air kecil di tepi jalan, makan di tepi jalan, keluar tanpa berpakaian sempurna, atau melakukan tindakan-tindakan yang memalukan atau menghina ulama juga dianggap sebagai faktor-faktor yang dapat merosakkan integriti adil seseorang.

Al-Kasani telah menyatakan bahawa ciri-ciri seseorang yang adil termasuklah tidak mengambil barang yang haram, tidak terlibat dalam kesalahan jenayah Islam, memiliki sifat baik yang lebih dominan daripada sifat buruk, menjauhi dosa-dosa besar, dan menghindari tindakan yang melalaikan dari kewajipan-kewajipan agama (Azizah, 2017). Orang yang secara berterusan melakukan maksiat tidak akan dianggap sebagai individu yang adil, kecuali jika dia telah bertaubat. Menurut al-Dasuki, konsep individu yang adil adalah mereka yang memelihara atau menunaikan kewajipan-kewajipan fardhu seperti solat, zakat, puasa, dan haji, serta tidak terlibat dalam perbuatan fasik atau dosa-dosa besar. Selain itu, mereka juga menjaga maruah dan kesopanan dalam tindakan dan tingkah laku mereka (Azizah, 2017).

Imam Malik berpendapat bahawa orang yang terlalu sering terlibat dalam permainan yang melalaikan, seperti catur, tidak layak untuk menjadi saksi kecuali jika mereka hanya bermain sesekali sahaja (Azizah, 2017). Kebanyakan ulama dari mazhab Shafi'i telah memberikan ciri-ciri yang terperinci mengenai konsep adil untuk menjelaskan bahawa sifat ini merupakan salah satu sifat yang paling penting bagi seorang saksi. Al-Sharbini mendefinisikan sifat adil dari sudut bahasa, iaitu sebagai kesederhanaan, dan dari sudut istilah, iaitu sebagai menjauhi dosa-dosa besar dan tidak terus-menerus melakukan dosa-dosa kecil (Azizah, 2017). Orang yang memiliki sifat adil juga cenderung untuk menjaga akidah, menghindari amalan-amalan bid'ah, serta memiliki kemampuan untuk mengendalikan emosi dan nafsu amarah. Konsep yang serupa mengenai ciri adil juga ditegaskan oleh ulama-ulama mazhab Shafi'i lainnya seperti al-Ramli, al-Nawawi, dan al-Dimyati. Walau bagaimanapun, mazhab Shafi'i memperbolehkan kesaksian dari orang yang sebelumnya fasik jika mereka telah bertaubat, termasuk saksi yang sebelumnya telah dihukum *qazaf*, setelah bertaubat dalam tempoh satu bulan (Azizah, 2017).

Ulama mazhab Hambali menafsirkan sifat adil sebagai keadaan di mana seseorang sesuai dengan tuntutan agama atau hukum syarak dalam kelakuannya dan keadaannya. Pendapat yang disampaikan oleh Ibnu Qudama, Ibnu al-Najar, dan Ibnu Qayyim adalah bahawa seseorang yang sebelumnya telah disabitkan dengan hukuman *qazaf* tetapi kemudian bertaubat, maka kesaksiannya dapat diterima (Azizah, 2017). Dalam penulisannya yang lain, Ibnu Qayyim telah mengemukakan pandangan yang lebih progresif dengan menerima kesaksian dari seseorang yang fasik jika pada masa atau zaman itu majoriti manusia adalah fasik, yang akhirnya membawa kesukaran untuk mendapatkan saksi yang benar-benar adil. Pandangan ini selari dengan hukum menerima wali yang fasik dalam situasi untuk mengabaikan syarat wali fasik tersebut

yang boleh menimbulkan lebih banyak kesulitan karena kegagalan untuk menemukan seseorang yang adil (Azizah, 2017).

Walaupun terdapat perbezaan dalam pandangan ulama mengenai definisi adil, perbezaan ini tidaklah begitu besar kerana prinsip umum dalam mentafsirkan adil adalah mementingkan aspek kepatuhan seseorang terhadap perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya. Ini selari dengan tuntutan hidup sebagai seorang Muslim. Kualiti saksi merupakan satu aspek yang sama di tafsirkan dikalangan semua mazhab. Bagi menentukan kualiti keadilan saksi, pemeriksaan saksi atau tazkiyah al-syuhud perlu dilaksanakan terhadap saksi tersebut.

Perbezaan tersebut menunjukkan bahawa kriteria untuk menjadi adil terbuka kepada ijtihad yang berasaskan kepada pemahaman ulama terhadap nas serta realiti sosial pada zaman mereka, yang membezakan antara orang yang adil dan fasiq dengan lebih jelas. Oleh itu, faktor-faktor seperti *uruf* (tradisi), peredaran zaman, perubahan gaya hidup, dan pemikiran masyarakat turut mempengaruhi penafsiran terhadap sesuatu perkataan atau sifat tanpa mengabaikan nilai utama dari sifat tersebut. Istilah "adil" secara literal lebih merujuk kepada kesederhanaan, penafsiran yang ketat dalam menentukan keadilan seseorang mungkin akan menyukarkan atau melambatkan proses penerimaan keterangan saksi pada zaman sekarang, yang pada akhirnya menyebabkan konsep *syahadah* yang sebenarnya sulit untuk diaplikasikan dengan tepat

Oleh yang demikian, tidak dinafikan lagi *syahadah* diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian dalam jenayah syariah. Penerimaan keterangan *syahadah* hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan kerana Islam sangat mementingkan keadilan dalam setiap pensyariatannya. Walaupun terdapat perbezaan dalam tafsiran mengenai "adil" dalam kalangan mazhab dan ulama, dapat disimpulkan bahawa saksi yang adil adalah saksi yang tidak terus-menerus melakukan dosa besar atau dosa kecil, serta menjaga maruah dengan menghindari perkara yang aib dan melalaikan. Oleh itu, konsep *tazkiyah al-syuhud* merupakan satu kaedah penting dalam menentukan sama ada seorang saksi tersebut adalah adil atau tidak.

APLIKASI PRINSIP TAZKIYAH AL-SYUHUD DALAM PERUNDANGAN TERKINI

Di dalam kes *PP v Mohd Sabu* dan seorang lagi di dalam Mahkamah Kadi Besar-besar, Kelantan Kes Jenayah: 2/95, tertuduh dan seorang lagi telah didakwa atas kesalahan khalwat. Ketika perbicaraan berlangsung, pegawai pendakwa telah memanggil saksi pertama yang merupakan seorang Penyelia Ugama yang terlibat dalam serbuan kejadian khalwat tersebut. Saksi tersebut telah memberikan beberapa keterangan yang bercanggah sehingga menyebabkan pihak pembelaan telah membuat permohonan bagi mencabar kredibiliti saksi tersebut. Mahkamah telah membenarkan permohonan penguambela dan pegawai dari Jabatan Ugama Islam Kota Bahru telah dipanggil bagi mengemukakan rekod perkhidmatan saksi tersebut. Pegawai dari Jabatan Ugama Islam Kota Bahru menyatakan bahawa syarat untuk menjadi Pegawai Ugama Tingkat II adalah Ijazah Sarjana Muda dari Universiti tempatan atau setaraf dengannya, dan saksi berkenaan tidak mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan hanya lulus Majlis Ugama Islam Kelas 9 dan sijil berkenaan tidak direkodkan dalam rekod perkhidmatannya. Oleh itu, ia menyebabkan saksi pertama tersebut tidak layak menjadi Penyelia Ugama.

Di dalam kes tersebut, penguambela tidak menyatakan peruntukan undang-undang yang jelas berkenaan permohonan bagi mencabar kredibiliti saksi. Begitu juga dengan hakim, tiada peruntukan yang jelas dinyatakan bagi membenarkan permohonan penguambela tersebut. Jika diteliti, cabaran yang dibuat kepada saksi pada awalnya, bukanlah kepada kebenaran keterangan yang diberikan tetapi lebih kepada kelayakan saksi tersebut memberikan keterangan. Tambahan lagi, pegawai atasan saksi

tersebut telah dipanggil bagi memberikan keterangan tersebut. Walaupun, tidak jelas peruntukan undang-undang yang digunapakai, tetapi dapat dilihat bahawa saksi berkenaan telah dicabar kelayakannya dan bukan berkenaan fakta yang diberikan. Oleh itu, sifat adil saksi berkenaan telah dipersoal dalam kes ini. Namun begitu, mahkamah dalam kes ini tidak membuat sebarang dapatan samada saksi tersebut adil atau tidak, tetapi tetap membenarkan saksi tersebut memberikan keterangan.

Penelitian dan analisa yang dibuat terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah undang-undang Syariah Negeri di semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa setiap enakmen negeri mempunyai peruntukan berkenaan penentuan saksi adil, begitu juga dengan prosedur pelaksanaannya. Sebagai contoh, Seksyen 119 Enakmen keterangan Syariah Negeri Kelantan 2002 menyatakan bahawa jika seorang saksi telah memberikan keterangannya melalui *syahadah* dan Hakim mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa dia tidak '*adil*', Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya saksi itu diperiksa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam enakmen tersebut. Seterusnya di dalam enakmen yang sama menyatakan saksi hendaklah diperiksa melalui pihak yang ada hubungan dengannya, pemeriksaan yang disebut dalam seksyen 119 hendaklah dijalankan melalui pemeriksaan rahsia dan boleh juga dibuat di dalam mahkamah terbuka. Peruntukan yang sama dapat dilihat dalam enakmen syariah di negeri-negeri yang lain.

Jika dilihat, peruntukan tersebut, menetapkan untuk saksi tersebut diperiksa keadilannya setelah memberikan keterangan secara *syahadah* dan apabila hakim tidak adil. Keadaan tersebut adalah berbeza dengan prinsip *Tazkiyah al-syuhud* yang mengkehendaki saksi berkenaan diperiksa keadilannya sebelum memberikan keterangan dan kriteria adil tersebut ditentukan melalui samada orang itu melakukan perbuatan yang melanggar hukum Allah atau tidak.

Berdasarkan temu bual bersama pengamal undang-undang syariah di Malaysia menyatakan bahawa *Tazkiyah al-syuhud* adalah proses pemeriksaan saksi bagi menentukan keadilan saksi. Prinsip tersebut adalah berbeza dengan dengan peruntukan pemeriksaan saksi yang diperuntukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri yang mana ia telah diambil dari Akta Keterangan 1960. Menurut seksyen 90 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) dan enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor), pemeriksaan saksi yang diperuntukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah adalah untuk memeriksa fakta melalui tiga peringkat iaitu pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.

Di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, diperuntukkan berkenaan penentuan saksi adil dan prosesnya tetapi perkataan *tazkiyah al-syuhud* tersebut tidak digunakan. Tiada juga definisi adil definisikan dalam enakmen menyebabkan ia menjadi tidak jelas, walaubagimana pun, definisi adil boleh di rujuk kepada hukum syarak selaras dengan peruntukan seksyen 130 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Informan menyatakan lagi, bahawa prinsip *Tazkiyah al-syuhud* kurang mendapat tempat di mahkamah syariah kerana kesukaran mendapatkan keterangan yang berbentuk *syahadah* dan menentukan keadilan saksi itu sendiri termasuklah kerana sukarnya untuk mendapatkan saksi yang adil pada masa sekarang.

Berdasarkan penulisan artikel 'Konsep 'Adil Dalam Kesaksian: Aplikasi Di Mahkamah Syariah Di Malaysia' menyatakan bahawa menyatakan bahawa mahkamah syariah tidak meletakkan syarat yang ketat kepada saksi untuk diterima keterangannya sebagai *syahadah* terutamanya dalam berkenaan syarat adil. Isu adil tidak atau jarang dibincangkan dalam mana-mana prosiding syariah. Rumusan kajiannya juga menyatakan bahawa, selagi saksi memberi kerjasama dengan mahkamah, memahami soalan dan mengetahui fakta isu, saksi itu dibenarkan untuk memberikan keterangan di

mahkamah. Selain itu, sistem adversarial di mahkamah syariah yang dijalankan di mahkamah syariah sedikit sebanyak telah mempengaruhi pendekatan mahkamah untuk mencabar kredibiliti saksi melalui proses pemeriksaan balas terhadap kebolehpercayaan saksi bukan atas sebab ketidakadilan atau latar belakang saksi. Kompetensi saksi bergantung kepada status keterangannya bukan kepada status sifat atau peribadi saksi itu sendiri.

PERBANDINGAN KONSEP TAZKIYAH AL-SYUHUD DENGAN PEMERIKSAAN SAKSI DI MAHKAMAH SIVIL

Akta Keterangan 1950 memperuntukkan peruntukan yang jelas berkenaan pemeriksaan saksi yang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu; pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Pemeriksaan balas dibuat dimahkamah sivil bertujuan untuk mencabar kredibiliti saksi berkenaan fakta yang di kemukakan sebagai keterangannya. Di dalam kes *Mohamed Alias v. Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 200 memutuskan percanggahan keterangan yang diberikan oleh saksi tidak menyebabkan keterangannya tidak boleh dipercayai.

Seksyen 118 Akta keterangan 1960 di dalam menyatakan bahawa semua orang berwibawa boleh memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan itu oleh sebab umur terlalu muda, terlalu tua, penyakit, sama ada penyakit tubuh atau penyakit otak, atau oleh apa-apa sebab lain yang seumpamanya. Oleh yang demikian, untuk memastikan jenis saksi yang disebutkan di dalam seksyen tersebut adalah berwibawa, pihak yang membawa saksi tersebut ke mahkamah perlu membuktikan bahawa saksi tersebut memahami soalan dan memberikan jawapan yang rasional kepada soalan yang ditanyakan. Berwibawa di dalam seksyen tersebut adalah merujuk kepada kompetensi atau kelayakan saksi tersebut memberikan keterangan.

Amalan yang dilakukan di mahkamah sivil untuk membuktikan kewibawaan saksi kebiasaannya adalah dengan membuat inkuiri terhadap saksi tersebut. Sebagai contoh, mahkamah sivil menerima keterangan kanak-kanak yang masih mentah di bawah seksyen 133A. Saksi kanak-kanak tersebut akan diperiksa kefahaman dan kebolehan memberikan jawapan yang rasional dengan bertanyakan soalan-soalan seperti adakah tahu bahawa perbuatan mencuri tersebut salah, adakah perbuatan mencuri tersebut boleh ditangkap polis. Dari jawapan yang diberikan oleh mangsa, mahkamah boleh membuat dapatan samada saksi tersebut telah memberikan jawapan yang rasional dan seterusnya memutuskan saksi tersebut adalah berwibawa dan kompeten memberikan keterangan. Dalam contoh yang lain, menurut seksyen 45 Akta Keterangan 1950 pemeriksaan untuk menentukan kepakaran seseorang dalam bidang tertentu juga perlu dibuat dimahkamah sivil bagi menentukan kredibiliti saksi pakar tersebut sebelum keterangan boleh diterima dimahkamah.

DAPATAN KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah kualitatif analisis kandungan telah mendapati bahawa Kes Mohd Sabu dan seorang lagi merupakan kes terawal yang telah menjalankan pemeriksaan saksi bagi menentukan samada saksi yang dikemukakan dalam kes tersebut adalah adil. Namun begitu, kes tersebut tidak dengan jelas memutuskan prosedur pemeriksaan adil yang dijalankan menggunakan peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah atau menggunakan prinsip *Tazkiyah al-Syuhud*. Tambahan pula, dalam kes berkenaan hakim tidak membuat dapatan yang jelas samada saksi yang diperiksa tersebut adalah seorang yang adil atau tidak.

Seterusnya kajian ini juga mendapati bahawa terdapat bab peruntukan khas berhubungan dengan testimoni saksi di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah di negeri-negeri semenanjung Malaysia iaitu seksyen 119 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Bab tersebut telah memperuntukkan peruntukan berkenaan penentuan saksi adil dan proses pemeriksaan tersebut boleh dilakukan oleh hakim apabila saksi memberikan keterangan secara *syahadah* dan hakim mempunyai sebab untuk tidak mempercayai saksi tersebut. Selain itu, terdapat juga prosedur atau tatacara untuk menjalankan pemeriksaan bagi menentukan keadilan saksi tersebut yang mana pemeriksaan boleh dibuat secara terbuka di dalam mahkamah dan secara rahsia iaitu di bawah seksyen 120 dan seksyen 121 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah.

Penelitian terhadap peruntukan di dalam bab tersebut mendapati, peruntukan tersebut berbeza dengan prinsip *Tazkiyah al-syuhud* yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Prinsip *Tazkiyah al-syuhud* mengkehendaki saksi tersebut diperiksa sifat adil sebelum memberikan keterangan syahadah manakala peruntukan di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah membenarkan hakim melaksanakan proses pemeriksaan saksi adil setelah saksi tersebut memberikan keterangan dan mempunyai sebab untuk tidak mempercayai saksi tersebut. Oleh itu, dapat disimpulkan di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, semua saksi yang memberikan *syahadah* adalah adil sehinggalah hakim berpendapat sebaliknya. Dilihat juga dalam Enakmen Mahkamah Syariah, perkataan adil atau '*adl*' tidak pernah didefinisikan. Oleh itu, ia adalah terbuka kepada Hakim untuk menafsirkannya.

Berdasarkan temu bual yang dibuat, kajian ini mendapati tiada salah faham konsep berkenaan pemeriksaan saksi adil atau *Tazkiyah al-syuhud*. Proses *Tazkiyah al-syuhud* dapat dibezakan dengan pemeriksaan balas yang juga diperuntukkan dalam enakmen syariah (Azizah, 2017). *Tazkiyah al-syuhud* adalah pemeriksaan kredibiliti dan kelayakan saksi manakala pemeriksaan balas adalah terhadap fakta yang diberikan oleh saksi berkenaan. Ketiadaan tafsiran adil di dalam Enakmen Mahkamah Syariah, membolehkan rujukan dibuat kepada hukum syarak sepertimana di peruntukkan dalam seksyen 130 Enakmen Mahkamah Syariah.

Prinsip *Tazkiyah al-syuhud* juga kurang mendapat tempat dimahkamah syariah kerana kesukaran mendapatkan keterangan yang berbentuk *syahadah*. Ini kerana kebanyakan keterangan yang dikemukakan adalah berbentuk *bayinnah*. Oleh kerana *bayinnah* mempunyai konsep yang sangat luas, isu keadilan saksi kurang menjadi perdebatan pihak-pihak. Tambahan lagi, pada masa sekarang saksi yang adil mengikut syarak sangat sukar diperoleh. Sistem *adversarial* yang diamalkan di mahkamah syariah sekarang telah memberikan ruang untuk kredibiliti saksi dicabar semasa pemeriksaan balas untuk menentukan samada saksi tersebut boleh dipercayai atau tidak, ia tidak diuji dari perspektif adil saksi tersebut. Ketiadaan prinsip *Tazkiyah al-syuhud* dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah menyumbang kepada perkara tersebut.

Selain itu, perbandingan terhadap konsep penentuan saksi wibawa yang dilaksanakan di mahkamah sivil dengan prinsip *Tazkiyah al-syuhud*, mendapati proses tersebut adalah hampir sama. Walau bagaimanapun, penentuan wibawa di dalam mahkamah sivil, adalah untuk menentukan kefahaman saksi dan keupayaannya memberikan jawapan yang rasional. Berbeza dengan mahkamah syariah, prinsip *Tazkiyah al-syuhud* adalah untuk tentukan saksi tersebut adil dan boleh dipercayai.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Prinsip syarak iaitu *Tazkiyah al-syuhud* adalah satu proses pemeriksaan keadilan saksi bagi memenuhi syarat untuk seseorang saksi diterima keterangannya di mahkamah. Prinsip tersebut adalah berbeza dengan pemeriksaan saksi yang dibuat melalui

pemeriksaan balas. Walaupun terdapat peruntukan khas berkaitan testimoni saksi di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, masih tidak jelas samada peruntukan tersebut merujuk kepada prinsip *Tazkiyah al-syuhud*. Selain itu, prinsip *Tazkiyah al-syuhud* juga kurang diaplikasikan di mahkamah syariah kerana ketiadaan peruntukan berkenaan prinsip tersebut dan amalan mahkamah syariah kini yang lebih banyak menerima keterangan berbentuk *bayinnah* daripada syahadah. Oleh itu, isu keadilan saksi jarang ditimbulkan.

Oleh yang demikian, kajian ini mengesyorkan beberapa cadangan yang boleh menambahbaik aplikasi prinsip *tazkiyah al-syuhud* di mahkamah syariah.

Pindaan Undang-undang

Kajian ini menyarankan agar Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dipinda bagi memasukkan perkataan *Tazkiyah al-syuhud* dalam enakmen mahkamah syariah untuk elak kekeliruan dengan pemeriksaan fakta. Proses pemeriksaan saksi adil di dalam enakmen mahkamah syariah perlu diperjelaskan dengan lebih terperinci dengan mendefinisikan maksud adil. Penulis mencadangkan agar maksud 'adil' di definisikan dengan pentafsiran yang lebih kontemporari yang tidak bercanggah dengan hukum syarak seperti yang ditafsirkan oleh Imam Abu Hanifah yang menggambarkan sifat 'adil' memadai melalui penilaian zahir sebagai orang Islam sahaja. Tafsiran tersebut dilihat lebih sesuai memandangkan kesukaran untuk mencari orang yang adil pada zaman ini. Kelayakan saksi juga sesuai dimasukkan sebagai salah satu definisi adil.

Peruntukan khas berkenaan testimoni saksi juga perlu dipinda supaya selaras dengan prinsip *Tazkiyah al-syuhud* yang menetapkan pemeriksaan keadilan saksi perlu dibuat sebelum memberikan keterangan syahadah dan bukannya seperti peruntukan sekarang yang menyatakan keadilan saksi hanya perlu ditentukan bila hakim tidak mempercayai. Hukum syarak jelas meletakkan pemeriksaan keadilan itu sebagai satu syarat untuk membolehkan *syahadah* diterima.

Selain itu, dicadangkan juga pindaan terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah untuk memasukkan peruntukan yang memberikan punca kuasa untuk mengadakan peraturan atau panduan amalan yang lebih jelas berkenaan *tazkiyah al-syuhud*. Punca kuasa tersebut akan membolehkan pindaan terhadap peraturan dan amalan dibuat dari semasa ke semasa memandangkan proses pindaan kepada peraturan adalah lebih mudah berbanding pindaan sesuatu akta atau enakmen.

Penambahbaikan Tadbir Urus Pegawai Kehakiman Syariah

Penambahbaikan pentadbiran dari segi mengatasi masalah kekangan kakitangan perlu uruskan untuk memastikan hakim, pegawai agama atau pegawai pendakwa yang ditugaskan secara spesifik dibahagian-bahagian tertentu. Hal ini bagi membolehkan latihan dan program pemantapan kefahaman prinsip fiqh berkaitan keterangan yang diterima dalam Islam terutamanya prinsip *Tazkiyah al-syuhud* dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan menyeluruh sekaligus memastikan keadilan dalam sistem kehakiman syariah dapat dipertingkatkan.

RUJUKAN

Buku

Mahmud Saedon A. A. (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Jurnal

Bahori, A., Mat Rashid, A., Yahya, M. A., Saifuddin, S., & Mat Salleh, M. K. (2023). Evidence and prosecution of out-of-wedlock pregnancies: A legal perspective of Syariah criminal offences in Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 1-30.

Hammad M. D, Mohamad Affendy, J., Mohamad Rizal, A. R., Khalidah, D. & Mohamad Azhan, Y. (2021). Prosedur Tatatertib Peguam Syarie di Mahkamah Syariah: Analisis dari Perspektif Prinsip Syariah. *ISLĀMIYYĀT 43(Isu Khas) 2021*, 153 – 163.

Md. Noor, R. (2008). Kedudukan Bayyinah, Syahadah, Dan Iqrar, Qarinah Dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam Di Malaysia. *Shariah Journal*, 16(2), 345-366.

Mohamad Azhan, Y., Ahmad Azam, M. S., & Suhaizad, S. (2023). Application Of Principles Of Chain Of Evidence And Chain Of Custody During Storage And Forensic Examination Of Electronic Documentary Evidence In Shariah Criminal Cases In Malaysia. *IIUM Law Journal*, 31 (S1), 143 – 164.

Mohamad Azhan, Y., Hammad, M. D. & Suhaizad S. (2021). Analisis Proses Pengumpulan Keterangan Dokumen Elektronik dalam Kes Jenayah Syariah. *ISLĀMIYYĀT, 43(Isu Khas) 2021*, 17-28.

Mohd Rapini, A., & Md. Noor, R. (2016), Syahadah Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Shariah Law Research (2016) vol. 1(1)* 41-74.

Mohd Rapini, A., & Md. Noor, R. (2017). Syahadah Dalam Statut Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia: Asas Dan Sumber Perundangan: Shaḥādah In Syariah Court Evidence Statutes In Malaysia: Its Foundation And Legal Sources. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 2(1), 35-58.

Mohd Rapini, A., & Md. Noor, R. (2018). Prinsip Keadilan dalam Sistem Kehakiman Islam: Tumpuan Khusus terhadap Konsep Syahadah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 129-161.

Mohd Shariff, A. A., Yahya, M. A., Rajamanickam, R., Hsu Tzu-Hsin, M., Mohd Subki, M. M., Azahari, N. F., Raja, J., & Muhamad, S. S. (2022). Prinsip Rantainya Jagaan dan Rantainya Keterangan: Keperluan kepada Pengiktirafan dan Pengaplikasian dalam Perbicaraan Kes Syariah di Malaysia: Principles of Chain of Custody and Chain of Evidence: The Need for Recognition and Application in Malaysian Syariah Case. *Journal of Muwafaqat*, 5(1), 17–32.

Ramlee, Zulfakar. (2005). Kesaksian Wanita Antara Kebolehterimaan & Kebolehpaksaan. *Jurnal Hukum*, 26 (1), 1-19.

Sabarudin, S. (2023). An Analysis Of Prima Facie Evidence Based On Qarinah Conviction In Matrimonial Offenses In The Selangor Syariah Court. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 237–242.

Toha Andiko. (2022). Kriteria Saksi Adil Dalam Peradilan Menurut Ulama Syafi'iyah Dan Hanafiyah. *Jurnal Mu'asyarah*, 1(1), 51-64.

Urus, N. S. T., & Yahya, M. A. (2023). Fake News Crime: A Comparative Study Between Shari'ah and The Law. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(2), 417 – 425.

Kes

Mohamed Alias v. Public Prosecutor [1981] 1 LNS 200.

PP v Mohd Sabu dan seorang lagi (Mahkamah Kadi Besar Besar, Kelantan Kes Jenayah: 2/95)

Laman Sesawang

Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke- 46: Kupasan Kaedah 'Bukti Ke Atas Mereka Yang Mendakwa, Sumpah Ke Atas Mereka Yang Mengingkari' diperoleh dari <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/4155-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-46> (diakses pada 29 februari 2024).

Prosiding dan Persidangan

Azizah Mohd Rapini. (2017). *Konsep 'Adil Dalam Kesaksian : Aplikasi Di Mahkamah Syariah Di Malaysia*. 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC).

Temu bual

Dato' Zainul Rijal Abu Bakar. Penguam Syarie di Wilayah Persekutuan. 11 Januari, 2023.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.